

Pembangunan semula Kampung Bharu ambil kira kepentingan orang Melayu

PUTRAJAYA - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan Kampung Bharu yang merupakan ikon di Kuala Lumpur dibangunkan dan dimajukan seiring dengan pembangunan pesat Kuala Lumpur dengan mengambil kira keutamaan hak dan kepentingan orang Melayu.

Dalam titah pada istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Wilayah Persekutuan 2020 di Istana Melawati di sini semalam, Seri Paduka Baginda memaklumkan, kerajaan sedang berusaha untuk membangunkan semula Kampung Bharu menerusi pelan pembangunan yang telah dirangka dengan teliti.

Seri Paduka Baginda dalam titahnya menyuarakan harapan agar pembangunan semula Kampung Bharu dapat direalisasikan dengan mengambil kira keutamaan hak dan kepentingan orang Melayu kerana Kampung Bharu merupakan simbol penempatan orang Melayu di Kuala Lumpur.

“Menerusi pembangunan semula

ini, hak milik tanah akan kekal kepada orang Melayu. Selain itu, warisan seni bina dan budaya Melayu akan terus kekal serta diperkasakan,” titah Seri Paduka Baginda.

Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan rasa amat gembira dan bersyukur melihat usaha serta komitmen kerajaan dalam membangunkan Wilayah Persekutuan.

Seri Paduka Baginda bertitah, pelbagai aktiviti dan inisiatif telah dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melibatkan penyertaan pelbagai kategori kumpulan sasaran, khususnya rakyat daripada kumpulan B40 yang bertujuan untuk menjaga kebajikan rakyat dan meringankan kos sara hidup mereka.

Inisiatif yang dilihat memberikan impak secara terus kepada rakyat, antaranya adalah perkhidmatan bas percuma Go-KL, pemilikan rumah kepada golongan asnaf dan kemudahan penginapan dengan kadar sewaan yang rendah bagi golongan B40 berstatus bujang yang baru berhijrah mencari rezeki di Kuala Lumpur. - *Bernama*